



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : PTGWP16/134 (75)
Tarikh : 21 Ogos 2018

Badan Peguam Malaysia,
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur
4th Floor,
Wisma Hangsam,
No. 1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam
Selangor

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN MODUL AWAM PENDAFTARAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Modul Awam Pendaftaran boleh mula digunakan oleh pengguna awam portal e-Tanah pada **3 September 2018** yang mana pengguna awam boleh mengisi permohonan secara atas talian dan mencetak borang permohonan untuk proses penyempurnaan dan perserahan dokumen ke pejabat ini.

3. Modul Awam Pendaftaran terdiri daripada lima (5) urusan iaitu Tarik Balik Kaveat Persendirian, Perletakhakan oleh Mahkamah, Melepaskan Gadaian, Pindahmilik Tanah dan Gadaian. Faedah modul ini ialah:-

- i) Memudahkan penyediaan borang permohonan oleh pengguna;
- ii) Memastikan maklumat dimasukkan lengkap dan tepat. Contoh: maklumat hakmilik;
- iii) Penggunaan borang mengikut format yang ditetapkan; dan
- iv) Persediaan perserahan elektronik di bawah seksyen 292A Kanun Tanah Negara 1965.

Sekata Kita Kota



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 5152

4. Pihak tuan boleh melayari portal www.ptgwp.gov.my bagi penggunaan Modul Awam Pendaftaran dan merujuk manual pengguna yang disediakan.

5. Pejabat ini memohon agar pihak tuan/puan dapat membuat hebahan berkenaan Modul Awam Pendaftaran ini kepada semua firma guaman di bawah seliaan tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NOR AZURA BINTI ABDUL RAHMAN)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan

No. Tel. : 03-26103402

Emel : azura@ptgwp.gov.my